

15/12/2001

Punca umat Islam ditindas: PM

Magendran Rajagopal

PUTRAJAYA, Jumaat - Umat Islam di seluruh dunia masih ditindas kerana tiada muafakat di kalangan negara Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bercakap pada sesi dialog dengan duta dan pesuruhjaya tinggi negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Wisma Putra di sini petang ini, Perdana Menteri berkata, umat Islam lebih cenderung berbalah sesama sendiri semata-mata mengenai siapa lebih Islam.

Berikutan perbalahan yang berterusan, umat Islam, kata beliau, ketinggalan menguasai ilmu dan teknologi sehingga mereka tidak mempunyai apa-apa kelebihan untuk bersaing dengan orang lain.

"Kita menuduh kuasa besar yang menindas kita sebagai tidak mempunyai perikemanusiaan dan tidak bertimbang rasa tetapi mereka berkuasa dan akan terus menindas. Apa boleh kita buat?"

"Bukan saja tiada kerjasama negara Islam, malah dalam setiap negara Islam ada kumpulan tertentu yang mendakwa lebih Islam daripada kerajaan yang memerintah.

"Mereka mendakwa hanya mereka Islam yang sebenar dan bertanggungjawab menjatuhkan kerajaan Islam sedia ada yang didakwa tidak Islam mengikut pandangan kumpulan berkenaan," katanya pada majlis itu yang dihadiri kira-kira 80 wakil negara OIC serta isteri masing-masing.

Pada dialog itu, wakil terbabit turut meminta pendapat Dr Mahathir mengenai cara mengatasi kemelut orang Islam di seluruh dunia yang semakin lemah berikutan tiada kerjasama dan persefahaman sesama mereka.

Selain masalah itu, kata Perdana Menteri, kebanyakan negara Islam terpaksa menghabiskan masa dan wang bagi menentang musuh seagama di negara sendiri yang secara tidak langsung mengabaikan pembangunan aspek lain.

Dr Mahathir berkata, negara Islam boleh terus merungut dan meratapi penindasan tetapi hakikatnya, ia tidak menghentikan penindasan itu, umpamanya, angkara Israel membunuh rakyat Palestin.

"Kita hanya perlu bersatu dan bersuara sebagai satu entiti bagi membuktikan bahawa wujud perpaduan di kalangan negara Islam. Kita perlu menyedari kelemahan kita dan mengatasinya," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, jika wujud perpaduan utuh negara Islam sejak dulu, kemungkinan besar penindasan masyarakat Islam di Palestin, Afghanistan, Chechnya, Bosnia dan Kosovo dapat dielakkan.

Tetapi sebaliknya, kata Dr Mahathir, negara Islam, termasuk Sudan dan Malaysia kini menjadi sasaran baru Barat yang melemparkan tuduhan kedua-dua negara itu melindungi pengganas dan mahu dikenakan tindakan.

"Apa kita boleh buat? Tiada yang boleh dilakukan. Kenapa kita tidak berdaya membuat sesuatu? Kerana kita lemah. Kenapa kita lemah? Kerana kita habiskan masa bergaduh sesama sendiri dan gagal menguasai ilmu, sekali gus kehilangan kemajuan teknologi terkini untuk meningkatkan daya saing kita.

"Kita bercakap mengenai persaudaraan dalam Islam tetapi kita tidak mengamalkannya kerana masing-masing berpegang kepada tafsiran sendiri yang tidak semestinya mencerminkan ajaran Islam," katanya.

(END)